

# Syarat bekas ahli PKM pulang

Oleh ROZIMI HASHIM

KUALA LUMPUR, Isnin — Hanya bekas anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang dianggap tidak mengancam keselamatan negara serta mempunyai dokumen kewarganegaraan Malaysia yang sah akan dipertimbangkan untuk diterima kembali sebagai rakyat negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan membenarkan mereka kembali jika mereka adalah warga negara Malaysia.

"Kalau mereka bukan rakyat Malaysia kita tidak akan terima balik," katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Pameran dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Muhibah di sini, hari ini.

Ditanya mengenai kedudukan bekas anggota PKM yang dilahirkan atau menetap di negara ini (di sempadan) tetapi tidak mempunyai dokumen kewarganegaraan, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan menerima mereka yang tidak mempunyai sebarang pengenalan yang ada kaitan dengan Malaysia.

Beliau diminta mengulas mengenai 13 anggota PKM yang kembali ke negara ini sejak pertengahan bulan lalu untuk menjalani hidup sebagai rakyat biasa tanpa sebarang syarat, termasuk tidak diletakkan

dalam pengawasan polis.

Semalam, Pengarah Cawangan Khas Ibupejabat Polis Bukit Aman, Datuk Zulkifli Abdul Rahman, menyatakan 13 anggota PKM terbabit adalah kumpulan pertama yang kembali tanpa syarat ke negara ini dan mereka ditempatkan di kampung masing-masing yang dianggap sesuai.

Kumpulan pertama itu adalah sebahagian daripada 421 bekas anggota PKM, termasuk bekas Setiausaha Agungnya, Chin Peng, yang memohon untuk kembali ke Malaysia. Bagaimanapun, Chin Peng tidak pulang bersama 13 anggota PKM itu.

Ditanya mengenai kepulangan Chin Peng dan beberapa pemimpin PKM lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu mengenai perkara ini. Ia diproses oleh pihak polis."

Di Kuala Kubu Baharu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Hanif Omar, berkata empat daripada 13 bekas anggota PKM yang pulang ke negara ini pertengahan bulan lalu, sudah menandatangani pengakuan tidak akan terbabit lagi dengan PKM atau ideologi komunis manakala sembilan lagi belum berbuat demikian.

Bekas ahli PKM yang lain diberi masa dua minggu untuk menandatangani pengakuan itu.

"Jika mereka enggan menanda-

tangani pengakuan itu, mereka akan dihantar pulang ke Hadyaai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Pegawai Kanak-kanak Polis Asean di sini, hari ini.

Empat bekas anggota PKM itu menandatangani pengakuan mereka tiga hari lalu dan mereka kini berada di kampung masing-masing, termasuk seorang kanak-kanak perempuan berusia 13 tahun manakala selebihnya berada dalam tahanan polis.

Tiga belas anggota PKM yang pulang itu berusia di antara 13 dan 50 tahun dengan enam daripadanya wanita.

Tan Sri Mohd Hanif berkata, sembilan bekas anggota PKM yang belum menandatangani pengakuan itu ingin merujuk perkara berkenaan dengan PKM di Hadyaai.

"Kami mengadakan syarat berkenaan kerana tidak mahu menghancurkan tentera dan rakyat yang terkorban atau cedera ketika menentang keganasan komunis," katanya.

Katanya, permohonan anggota PKM untuk pulang ke sini sudah ditutup dan sehingga ini, 421 sudah memohon untuk pulang.

Mengenai bekas pemimpin wanita PKM, Shamsiah Fakeh, beliau berkata, permohonan Shamsiah akan diproses kerana dia (Shamsiah) mengemukakan permohonan berasingan.